



Malaysia Competition Commission

NORHAFIZA SHAFIE

PEGAWAI EKONOMI, SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA

***POCKET TALK* SEMPENA PROGRAM GLC EXPLORACE 2014**

9 JUN 2014

DEWAN SERBAGUNA KOMPLEKS SUKAN IBU PEJABAT TNB, BANGSAR

KANDUNGAN PEMBENTANGAN

Evolusi Akta Persaingan

Objektif dan bidang kuasa Akta Persaingan

Larangan Akta Persaingan 2010

Kesimpulan

LATAR BELAKANG AKTA PERSAINGAN MALAYSIA

1993

Rang Undang-Undang Perdagangan Adil mula dirangka

RMK8 & 9

Mandat untuk penggubalan dasar persaingan

2005

Kabinet meluluskan Dasar Amalan Perdagangan Adil

10 Jun 2010

Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 diwartakan

1 April 2011

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan

1 Jan 2012

Akta Persaingan dikuatkuasakan

KANDUNGAN PEMBENTANGAN

Evolusi Akta Persaingan

Objektif dan Bidang Kuasa Akta Persaingan

Larangan Akta Persaingan 2010

Kesimpulan

AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712]

(AP 2010)

Suatu Akta untuk menggalakkan **pembangunan ekonomi** dengan **menggalakkan dan melindungi proses persaingan**, dan dengan demikian itu **melindungi kepentingan pengguna** dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Berkuatkuasa pada 1 Januari 2012

BIDANG KUASA AP 2010

Tertakluk kepada **semua aktiviti komersial, di dalam dan di luar Malaysia** yang mempunyai kesan negatif atau anti-persaingan di mana-mana pasaran di Malaysia.



BIDANG KUASA AP 2010 (AKTIVITI YANG TIDAK TERTAKLUK)

“Aktiviti Komersial” bermaksud apa-apa aktiviti yang bersifat komersial tetapi tidak termasuk:-

- 1. apa-apa aktiviti, secara langsung atau tidak langsung dalam penjalanan kuasa kerajaan;**
- 2. apa-apa aktiviti yang dijalankan berasaskan pada prinsip perpaduan; dan**
- 3. apa-apa pembelian barangan atau perkhidmatan yang bukan bagi maksud untuk menawarkan barangan atau perkhidmatan sebagai sebahagian daripada suatu aktiviti ekonomi.**

BIDANG KUASA AP 2010

(AKTIVITI YANG TIDAK TERTAKLUK)

- Aktiviti komersial yang dikawalselia oleh:
 - **Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]**
 - **Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 [Akta 610]**
 - **Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan Peraturan-Peraturan Petroleum 1974 [P.U. (A) 432/1974] – PINDAAN 30 DISEMBER 2013**
- suatu perjanjian atau perlakuan untuk mematuhi suatu kehendak perundangan;
- aktiviti perundingan kolektif atau perjanjian kolektif berkenaan dengan terma dan syarat antara majikan dan pekerja; dan
- suatu perusahaan yang diamankan dengan pengendalian perkhidmatan yang berkepentingan ekonomi am atau yang mempunyai ciri monopoli pengeluaran hasil setakat yang larangan di bawah AP 2010 akan menghalang pelaksanaan tugas di sisi undang undang yang diberikan kepada perusahaan itu.



KANDUNGAN PEMBENTANGAN


Evolusi Akta Persaingan

Objektif dan bidang kuasa Akta Persaingan

Larangan Akta Persaingan 2010

Kesimpulan

LARANGAN UTAMA



PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

Seksyen 4 (1) AP 2010

Suatu **PERJANJIAN MENDATAR** atau **MENEGAK** antara **PERUSAHAAN** adalah dilarang setakat yang perjanjian itu mempunyai **MATLAMAT** atau **KESAN** menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara **SIGNIFIKAN** dalam apa-apa **PASARAN** bagi barangan atau perkhidmatan.

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

“PERJANJIAN”

- **Tidak perlu** dalam perjanjian rasmi
 - Kontrak, persefahaman, *sama ada sah mengikut undang-undang atau tidak*
 - **“amalan bersepadu”** atau **“gentleman's handshake”**
 - Keputusan oleh persatuan



PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN “PERUSAHAAN”

- **Apa-apa entiti** yang menjalankan aktiviti komersial yang berhubungan dengan barangan atau perkhidmatan.
- Bagi maksud Akta ini, suatu **syarikat induk dan subsidiari** hendaklah **disifatkan sebagai perusahaan tunggal** jika, walaupun mempunyai **entiti berasingan di sisi undang-undang**, kedua-duanya membentuk suatu **unit ekonomi tunggal** yang dalamnya subsidiari-subsidiari itu **tidak mempunyai autonomi sebenar** dalam menentukan tindakan mereka dalam pasaran.


PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN “PASARAN”

- suatu pasaran di Malaysia atau di mana-mana bahagian Malaysia, dan apabila digunakan berhubung dengan apa-apa barangan atau perkhidmatan, termasuklah suatu pasaran bagi barangan atau perkhidmatan itu dan **barangan atau perkhidmatan yang boleh digantikan**, atau selainnya bersaing dengan, barangan atau perkhidmatan yang mula-mula disebut itu.
- Perlu mengetahui apakah pasaran berkaitan untuk menenalpasti aras persaingan dan kuasa pasaran dalam pasaran berkenaan.

PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

(I) PERJANJIAN MENDATAR

Perjanjian antara pengusaha di mana mereka beroperasi di peringkat yang sama dalam rantai pengeluaran atau pendedaran.



PERJANJIAN MENDATAR



PERJANJIAN PENETAPAN HARGA

Berlaku apabila syarikat-syarikat yang bersaing bersama-sama menetapkan harga barangan atau perkhidmatan.



PERJANJIAN KONGSI PASARAN

Berlaku apabila pesaing bersetuju untuk memperuntukkan pelanggan di antara mereka atau untuk mengasingkan kawasan masing-masing.



PERJANJIAN UNTUK MEMBATASKAN ATAU MENGAWAL PENGELUARAN, SALURAN KELUAR PASARAN, PEMBANGUNAN TEKNOLOGI ATAU PELABURAN

Contoh membatasi atau mengawal:-

- **Pengeluaran:** pesaing bersetuju mengenai kuota pengeluaran.
- **Saluran keluar pasaran:** pesaing bersetuju di mana kedai runcit harus dibuka.
- **Pembangunan teknologi:** pesaing bersetuju untuk tidak melancarkan produk yang baru.
- **Pelaburan:** pesaing bersetuju supaya tidak menambahkan kapasiti pengeluaran.

PERJANJIAN TIPUAN BIDA


Mengambil giliran untuk memenangi kontrak tender kompetitif adalah contoh memanipulasi bidaan.



PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN

(II) PERJANJIAN MENEGAK

Perjanjian antara pengusaha di mana mereka beroperasi di peringkat yang berbeza dalam rantai pengeluaran atau pengedaran.



PERJANJIAN ANTI-PERSAINGAN PENGECUALIAN



- Hanya untuk perjanjian anti-persaingan
- Perlu memenuhi semua kriteria Seksyen 5 : Pelepasan Liabiliti

PELEPASAN LIABILITI

SEKSYEN 5

- a) terdapat **faedah yang signifikan** dari segi teknologi, kecekapan atau sosial;
- b) **faedah** itu **tidak dapat diberikan tanpa perjanjian** itu mempunyai kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan;
- c) **kesan buruk** perjanjian itu pada persaingan adalah **bersekadar** dengan **faedah** yang diberikan; dan
- d) perjanjian itu **tidak menghapuskan persaingan sama sekali** berkenaan dengan sebahagian besar barangan atau perkhidmatan.

*Perlu membuktikan **kesemua** kriteria diatas dipenuhi untuk mendapatkan pengecualian.

PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

Seksyen 10 AP 2010

Suatu perusahaan adalah dilarang untuk terlibat, sama ada secara sendirian atau kolektif, dalam apa-apa perlakuan yang berupa suatu **penyalahgunaan kedudukan dominan** dalam mana-mana pasaran bagi barangan atau perkhidmatan.



PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

“KEDUDUKAN DOMINAN”

Situasi dimana **satu atau lebih perusahaan** memiliki **kuasa pasaran** yang signifikan untuk mengubah harga, pengeluaran atau terma perdagangan tanpa mendapat kekangan yang berkesan dari pesaingnya.

Nota: 60% bahagian pasaran adalah penunjuk dominan

Contoh: Suruhanjaya Persaingan di Eropah (The European Commission) telah membuat satu keputusan dimana Microsoft didapati telah melanggar Article 82 EC dengan **membuat penyalahgunaan kedudukan dominan** dengan melakukan dua jenis perlakuan di bawah penyalahgunaan keduduakan dominan, ... The European Commission telah mengenakan penalti kewangan sebanyak €497 juta kepada Microsoft, dan mengarahkan tindakan pembetulan dilakukan untuk beberapa ketika.
(Source: T-201/04 Microsoft v Commission, judgment of 17 September 2007)



PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

JUSTIFIKASI KOMERSIAL YANG MUNASABAH

Kecuali terdapatnya justifikasi komersial yang munasabah, **perlakuan perusahaan yang mempunyai kedudukan dominan** boleh dianggap sebagai pelanggaran jika **memberi kesan anti-persaingan** kepada kemasukan perusahaan lain atau kepada pesaing.



DAPATAN PELANGGARAN

Jika terdapat pelanggaran bagi mana-mana seksyen, MyCC boleh:-

- Mengarahkan pelanggaran itu dihentikan serta- merta;
- boleh menyatakan langkah-langkah dikehendaki supaya perusahaan yang melanggar menghentikan pelanggaran itu;
- boleh mengenakan penalti kewangan*; atau
- boleh memberikan apa-apa arahan lain yang difikirkannya sesuai.

***Penalti maksima :- 10 % daripada pusing ganti seluruh dunia
(worldwide turnover)**



KESALAHAN DIBAWAH AP 2010

Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan boleh disabitkan:-

Pertubuhan Perbadanan (Body Corporate)

- **Kesalahan pertama:** RM 5 juta
- **Kesalahan seterusnya:** RM10 juta

Individu

- **Kesalahan pertama:** RM 1 juta atau 5 tahun penjara atau kedua-dua
- **Kesalahan seterusnya:** RM 2 juta atau 5 tahun penjara atau kedua-dua

REJIM KELONGGARAN

- Untuk **pengakuan penglibatan** untuk pelanggaran perjanjian anti-persaingan (seksyen 4).
- Dengan **pemberian apa-apa maklumat** yang berbentuk kerjasama dalam penyiasatan, perusahaan boleh menikmati **peratusan pengurangan penalti kewangan sehingga seratus peratus** bergantung kepada:-
 - Orang pertama yang membawa pelanggaran tersebut kepada perhatian MyCC
 - Tahap penglibatan dan penyiasatan;
 - Tahap maklumat/kerjasama yang diberikan

HAK UNTUK TINDAKAN PERSENDIRIAN

Adakah anda memiliki hak untuk tindakan persendirian?

YA! Jika anda adalah pengguna atau perusahaan yang mendapat kesan negatif dari pelanggaran tersebut secara langsung atau tidak langsung.

Seksyen 64 AP 2010 memberikan kuasa untuk tindakan sivil kepada perusahaan yang membuat pelanggaran oleh individu, persatuan pengguna, persatuan perniagaan dan profesional.

KANDUNGAN PEMBENTANGAN

Evolusi Akta Persaingan

Objektif dan bidang kuasa Akta Persaingan

Larangan Akta Persaingan 2010

Kesimpulan





KESIMPULAN

Perlu mempunyai pengetahuan tentang Akta Persaingan


Memahami jenis-jenis perjanjian yang dilarang

Membina pengetahuan untuk pematuhan Akta Persaingan

BUKU PANDUAN MyCC



BUKU PANDUAN MyCC



TERIMA KASIH



www.mycc.gov.my